

**MENGAPA
ISA?**

Singapura yang

SELAMAT

untuk semua

SINGAPURA adalah tempat yang selamat untuk kita menjalani kehidupan, bekerja dan bermain. Kita dapat hidup berkeluarga dalam keadaan tenteram dan tidak perlu bimbang tentang keselamatan keluarga kita. Kita juga bersahabat dengan negara lain, baik yang jauh mahupun yang dekat.

Kita dapat lakukan ini kerana kita sentiasa berwaspada dan dapat menghalang tercetusnya kegiatan-kegiatan yang boleh mendatangkan bahaya. Sesiapa yang cuba mencetuskannya akan diberkas dan dikenakan hukuman yang setimpal berdasarkan undang-undang kita yang sedia ada.

Namun demikian, kita tidak boleh menganggap bahawa keselamatan ini dapat diperolehi dengan mudah. Kita harus berusaha dengan gigih untuk menjaga keluarga, rumahtangga dan tanahair kita.

Siapa yang melakukan tugas ini?

Setiap orang melakukannya. Orang-orang seperti anda membantu Biro Narkotik Pusat membasmi penyalahgunaan dadah, membantu polis memberkas empat daripada setiap sepuluh penjenayah dan membantu keluarga-keluarga para banduan.

Bagi sebahagian orang, memastikan keselamatan Singapura terjamin merupakan tugas mereka sepenuh masa.

Pasukan Polis menegakkan undang-undang dan menjaga ketenteraman serta bekerja rapat dengan orang ramai demi melindungi nyawa dan harta benda.

Jabatan Keselamatan Dalam Negeri adalah agensi risikan yang menangani ancaman terhadap kestabilan Singapura dan memastikan agar Singapura selamat dan aman.

Pasukan Pertahanan Awam Singapura sentiasa bersedia menghadapi kecemasan 24 jam sehari dan melengkap orang ramai dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menangani kecemasan dan bencana awam.

Biro Narkotik Pusat berusaha membasmi penyalahgunaan dadah dan menyelamatkan nyawa para penagih dan keluarga mereka.

Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan mengenalpasti setiap individu dan kumpulan di Singapura serta mentadbir urusan keluar masuk dan penetapan orang ramai.

Jabatan Penjara membantu para pesalah kembali ke pangkal jalan dan bekerjasama dengan keluarga mereka bagi membentuk mereka menjadi warga yang bertanggungjawab.

Kesemua agensi ini bersatu membentuk sebuah kumpulan yang digelar *Home Team*.

Ancaman terhadap

KESELAMATAN

Singapura

SEPERTI NEGARA LAIN di dunia, Singapura tidak terlepas dari pelbagai ancaman yang menggugat keselamatannya. Ini bererti keselamatan kita dan kestabilan negara kita juga terancam. Bentuk ancaman yang dihadapi Singapura termasuk tindakan subversif, sabotaj, pengintipan, pengganasan atau keganasan bermotif politik oleh negara lain. Warga kita sendiri pun boleh mengancam keselamatan negara jika mereka tidak mahu bertolak ansur atau tidak dapat menerima perbezaan yang wujud di antara kaum atau agama, dan jika mereka melakukan tindakan yang menggugat keharmonian kaum dan perpaduan sosial negara kita.

Bolehkah Singapura disabotaj oleh negara lain?

Pada awal 1950-an, Parti Komunis Malaya (CPM) berazam untuk menegakkan pemerintahan komunis di Malaya dan Singapura. Cawangannya di Singapura menghasut kaum pekerja supaya melancarkan mogok dan melakukan keganasan. Mereka juga menggunakan para pelajar untuk mencetuskan rusuhan. Pegawai polis, pegawai pemerintah dan sesiapa sahaja yang dianggap sebagai ancaman kepada CPM dijadikan sasaran pasukan pembunuh mereka.

Indonesia memulakan Konfrantasi dengan Malaysia dan Singapura pada tahun 1963. Semasa Konfrantasi, Indonesia menghantar pasukan sabotajnya ke Singapura untuk menggugat kestabilan negara dengan memasang beberapa butir bom.

Tiga orang terbunuh dalam satu ledakan bom pada 10 Mac 1965. Pasukan tersebut memasang bom di tempat-tempat awam kerana gagal mendekati tempat-tempat penting yang menjadi sasaran mereka. Dua anggota sabotaj tersebut diberkas lalu dibicarakan dan dikenakan hukuman mati.

Bolehkah konflik kaum dan agama berlaku di Singapura?

Pada awal 1960-an, satu kumpulan pelampau Melayu yang digelar Angkatan Revolusi Tentera Islam Singapura (ARTIS) berazam menjadikan Singapura sebuah negara Islam. Mereka membuat orang ramai bersedia untuk merusuh dengan menyebarkan khabar angin tentang tercetusnya satu rusuhan kaum. Kemudian pada tahun 1964 dan 1969 (lama setelah terkuburnya ARTIS), rusuhan dan pembunuhan berlaku sekali lagi ekoran isu perkauman.

Surat khabar Cina Nanyang Siang Pau juga cuba mengapi-apikan masyarakat Cina supaya menentang Pemerintah pada awal 1970-an. Akhbar tersebut menyiarkan berita kononnya bahasa dan budaya Cina akan dihapuskan di Singapura.

Pada tahun 1980-an, agama sekali lagi diperalatkan. Pertubuhan Pembebasan Rakyat Singapura (SPLO) berkomplot memusnahkan gudang Pelabuhan Singapura, cawangan PAP, pawagam, balai rakyat dan kompleks membeli-belah. Mereka mahu menggulingkan Pemerintah kerana mereka berpendapat bahawa Pemerintah tidak memberikan layanan yang baik kepada umat Islam di Singapura.

Pernahkah Singapura menjadi sasaran atau sarang pengganas?

Pada tahun 1974, empat orang pengganas mengebom tangki minyak di kilang penapis minyak Shell di Pulau Bukom dengan tujuan supaya Singapura tidak dapat membekalkan minyak ke negara yang “tidak baik” dengan pertubuhan pengganas mereka. Dua daripada empat pengganas itu merupakan anggota Tentera Merah Jepun (Japanese Red Army) sementara dua lagi adalah anggota Barisan Popular bagi Pembebasan Palestin (Popular Front for the Liberation of Palestine).

Mereka merampas feri *Laju* bersama beberapa orang tebusan dan mendesak Pemerintah Singapura supaya menyediakan kapal terbang untuk membawa mereka ke negara lain. Apabila mereka menaiki pesawat sepertimana yang mereka inginkan, beberapa orang pegawai Singapura dan Jepun mengambil tempat para tebusan mereka. Salah seorang pegawai itu ialah Encik S.R. Nathan, Presiden Republik Singapura ketika ini. Pengganas-pengganas tersebut berjaya melepaskan diri dan tidak dapat ditangkap.

Pada tahun 1991, empat pengganas merampas pesawat Syarikat Penerbangan Singapura SQ 117 dari Kuala Lumpur ke Singapura. Nasib mereka tidak begitu baik. Sebaik sahaja mereka mengancam hendak membunuh juruterbangnya, pasukan komando Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) menggempur pesawat tersebut lalu membunuh keempat-empat pengganas itu.

Adakalanya, Singapura tidak menjadi sasaran tetapi digunakan oleh pihak lain sebagai pangkalan untuk menyerang

negara lain yang sebahagian daripadanya bersahabat dengan kita.

Pada tahun 1980-an, Singapura pernah digunakan untuk menyokong perjuangan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE). Rangkaian LTTE di Singapura mengumpulkan wang untuk membantu perjuangan LTTE menentang Pemerintah Sri Lanka. Walaupun rangkaian tempatan ini dapat ditumpaskan, satu kumpulan lain timbul menggantikan tempatnya pada tahun 2000.

Pada Disember 2001 dan Ogos 2002, seramai 36 orang telah diberkas kerana terlibat dalam kegiatan-kegiatan berkaitan pengganasan. 32 daripada mereka merupakan anggota kumpulan sulit yang dipanggil Jemaah Islamiyah (JI). Kesemua mereka, kecuali seorang, adalah warga Singapura. Mulai September 2002, 31 daripada mereka telah ditahan sementara lima yang lain dibebaskan di bawah Perintah Sekatan.

Sebilangan daripada mereka yang ditahan pernah ke Afghanistan di mana mereka mendapat latihan di khemah-khemah pengganas Al-Qaeda. Kumpulan Al-Qaeda didakwa mendalangi serangan 11 September di Amerika Syarikat.

Para anggota JI memiliki panduan membuat bom serta gambar dan pita video yang mengandungi rakaman tempat-tempat yang akan dijadikan sasaran di Singapura seperti stesen MRT Yishun, Pangkalan Tentera Laut Changi serta saluran paip air. Beberapa anggota sedang merancang untuk mengebom kedutaan-kedutaan di sini apabila mereka diberkas. Ini adalah satu komplot yang telah dilakarkan oleh pengganas-pengganas asing. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Singapura, seorang daripada pengganas asing itu telah diberkas di Manila. Dia didapati telah mendapatkan lebih daripada 1 tan bahan letupan (TNT) untuk operasi di Singapura.

Adakah Singapura diintip?

Pada lewat 1970-an, seorang kerani kod yang bekerja di Kedutaan Singapura di Moscow, Soviet Union, termakan godaan seorang perisik wanita Soviet. Pada mulanya, kerani itu memberikan perisik tersebut mesej yang telah dipecahkan kodnya. Lama kelamaan, kod rahsia yang digunakan juga diserahkan. Dengan itu, pihak Soviet dapat memecahkan kod dan membaca semua mesej yang dihantar dan diterima oleh Kedutaan Singapura di Moscow.

Kegiatan mengintip ini boleh juga berlaku di Singapura.

Pada tahun 1980-an, seorang pegawai perisik Soviet menjalin persahabatan dengan seorang pegawai SAF di sebuah kedai komputer semasa membeli-belah di sana. Untuk mendapatkan maklumat rahsia mengenai SAF, beliau telah menjanjikan wang kepada pegawai SAF tersebut bagi meneruskan pelajarannya dan memulakan perniagaan kecil.

Pada tahun 1997, seorang pegawai pemerintah wanita diberkas kerana memberi maklumat rahsia pemerintah kepada seorang lelaki yang menjadi agen bagi sebuah negara asing.

Dalam satu lagi kes pada tahun 1998, empat lelaki Singapura ditangkap kerana mengumpulkan maklumat rahsia pemerintah untuk agensi risikan asing. Seorang daripada mereka juga berperanan mencari perisik baru.

Tindakan subversif, pengganasan dan pengintipan oleh pihak asing adalah di antara kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam kedaulatan Singapura serta keamanan, kemakmuran dan keharmonian kaum dan agama di sini.

Akta

KESELAMATAN

Dalam Negeri

Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan satu daripada undang-undang yang membenarkan pemerintah bertindak terhadap ancaman-ancaman ke atas keselamatan dan keamanan Singapura.

Apakah yang boleh dilakukan pemerintah dengan ISA?

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah satu undang-undang yang membenarkan Pemerintah Singapura menghalang pembentukan dan berkembangnya kumpulan-kumpulan yang boleh menggugat keselamatan dalam negeri. Dalam keadaan darurat, ISA memberi Pemerintah kuasa mengisytiharkan sesuatu kawasan itu dalam bahaya dan seterusnya berusaha mengawal keadaan dengan mengambil langkah-langkah bagi menjamin keselamatan awam.

ISA digunakan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri untuk menyiasat ancaman terhadap keselamatan negara seperti pengganasan antarabangsa, tindakan subversif asing, pengintipan dan tindakan keganasan atau membangkitkan kebencian dengan menggunakan isu bangsa atau agama.

'Penahanan pencegahan' merupakan satu daripada ciri-ciri ISA. Ini bermakna ISA membenarkan Pemerintah menahan seseorang yang menimbulkan ancaman aktif terhadap Singapura tanpa perlu dibicarakan di mahkamah untuk jangka masa sehingga dua tahun.¹

¹Penahanan tersebut akan dikaji semula oleh Lembaga Penasihat yang dilantik oleh Presiden mengikut Perlembagaan Singapura.

'Penahanan pencegahan' di bawah ISA ini dikenakan hanya sebagai langkah terakhir.

Sebagai contoh, sebelum perasmian Persidangan Menteri-Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia di Singapura dalam tahun 1996, seorang yang disyaki sebagai pengganas asing yang bersembunyi di Singapura telah diarahkan meninggalkan Singapura tanpa dikenakan perintah tahanan.

ISA membenarkan Pemerintah bertindak dengan segera dan tegas terhadap ancaman kepada keselamatan Singapura dan rakyatnya.

Apakah asal usul ISA?

Sejarah pembentukan ISA bermula pada tahun 1948 apabila kerajaan British memperkenalkan Peraturan Darurat (ER) di Malaya dan Singapura. Peraturan itu digunakan bagi membendung kegiatan komunis, pengganas dan subversif serta pelampau kaum dan agama.

Pada tahun 1955, Ordinan Pemeliharaan Ketenteraman Awam (PPSO) menggantikan Peraturan Darurat. PPSO digunakan terhadap mereka yang mencetuskan rusuhan pada tahun 1956 yang menyebabkan 13 orang terbunuh. Ia juga digunakan pada tahun 1961 terhadap Angkatan Revolusi Tentera Islam Singapura (ARTIS) yang mahu menggulingkan Pemerintah dengan tindakan keganasan.

Pada tahun 1963, ISA menggantikan PPSO.

SOALAN- SOALAN

**yang sering ditanyakan
tentang ISA**

Sesetengah pihak berpendapat Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak diperlukan lagi. ISA digubal untuk membanteras komunisme dan kini ancaman tersebut telah pun berakhir. Namun, pendapat ini tidak benar. Akta Keselamatan Dalam Negeri, Ordinan Pemeliharaan Ketenteraman Awam (PPSO) dan Peraturan Darurat (ER) berperanan memerangi para penghasut komunis dan yang lain seperti ekstremis kaum dan agama.

Memandangkan Singapura tidak mempunyai undang-undang untuk menangani anasir-anasir subversif serta ekstremis kaum dan agama, maka Akta Keselamatan Dalam Negeri digunakan juga bagi menangani masalah-masalah tersebut.

Adakah ISA hanya merupakan undang-undang ‘penahanan pencegahan’?

ISA tidak hanya merupakan undang-undang bagi ‘penahanan pencegahan’.

Kuasa ISA yang lain, umpamanya, membolehkan pendakwaan ke atas mereka yang menyebarkan maklumat palsu yang boleh menimbulkan kebimbangan awam. Pada 1982, lima anggota sebuah pertubuhan sulit Islam, Pertubuhan Pembebasan Rakyat Singapura, telah dihadapkan ke mahkamah oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri kerana cuba mengedarkan risalah yang mengandungi kenyataan-kenyataan yang boleh membangkitkan kemarahan di kalangan masyarakat. Kumpulan ini bertujuan menggulingkan Pemerintah.

‘Penahanan pencegahan’ turut diperuntukkan di bawah Akta Undang-Undang Jenayah (Peruntukan Sementara).²

²‘Penahanan pencegahan’ turut diperuntukkan di bawah Akta Undang-Undang Jenayah (Peruntukan Sementara) bagi membolehkan tindakan diambil ke atas ketua kumpulan kongsi gelap dan sindiket dadah yang tidak dapat didakwa di mahkamah kerana ditakuti mangsa-mangsa akan dikenakan tindak balas oleh para anggota kumpulan kongsi gelap mahupun sindiket dadah yang lain.

Bilakah kuasa penahanan pencegahan ISA digunakan?

Kuasa penahanan pencegahan ISA digunakan apabila pendakwaan tidak dapat dilakukan sedangkan ancamannya adalah jelas serta perlu ditangani.

Pendakwaan tidak dapat dilakukan kerana, antara lain, ia boleh:

- mendedahkan identiti para saksi dan ini akan meletakkan mereka dalam keadaan bahaya.
- mendedahkan sumber-sumber risik ataupun siasatan.
- menjejaskan hubungan dengan negara-negara lain (dalam kes-kes risikan).
- membangkitkan sentimen perkauman dan keagamaan jika perbicaraan kes mahkamah berlarutan.

Seberapa mungkin, Pemerintah akan mendakwa pesalah ISA di bawah undang-undang lain yang berkaitan.

Sebagai contoh, pada 1977, dua anggota komunis telah menceroboh masuk kilang Chartered Industries dan mencuri bahan-bahan letupan dan peralatan senjata. Mereka telah didakwa di bawah Akta Bahan Korosif Dan Letupan Dan Senjata Berbahaya serta Akta Kesalahan-Kesalahan Senjata.

Pada 1980 pula seorang kerani kod di Moscow telah didakwa di bawah Undang-Undang Rahsia Rasmi kerana memberi maklumat kepada agen asing.

Penggunaan penahanan pencegahan harus bertepatan dengan ancamannya. Dalam kes warga Singapura yang mengetuai rangkaian Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) pada tahun 2000, beliau tidak ditahan tetapi dikenakan Perintah Sekatan bagi menghalangnya dari terus melibatkan diri dengan LTTE.

Lima daripada 36 anggota Jemaah Islamiyah yang diberkas kerana terlibat dalam kegiatan pengganasan telah dibebaskan di bawah Perintah Sekatan yang melarang mereka daripada berhubungan dengan sebarang kumpulan pengganas.

ISA merupakan kuatkuasa undang-undang untuk memelihara keselamatan negara, meskipun demikian ia tidak mengiktiraf hak untuk dibicarakan yang biasanya diperuntukkan kepada para tahanan.

Pemerintah amat menyedari akan hal ini. Oleh itu, ISA hanya digunakan jika tiada pilihan lain yang lebih baik.

Antara 1989 dengan 1998, hanya dua kali ISA telah digunakan, iaitu pada tahun 1997 dan 1998. Kesemua enam orang yang ditangkap telah melakukan pengintipan bagi agensi risikan asing. Mereka telah pun dibebaskan.

Apakah langkah-langkah yang ada bagi mengelakkan penyalahgunaan?

ISA itu sendiri mempunyai batas-batas dari segi undang-undang serta ketetapan dan pertanggungjawaban yang perlu dipenuhi.

- Seseorang yang diberkas di bawah ISA boleh ditahan sehingga 48 jam.
- Jangkamasa tahanan yang melebihi tempoh tersebut harus mendapat kebenaran sekurang-kurangnya dari Superintenden Polis.
- Hal ini juga harus dilaporkan kepada Pesuruhjaya Polis.
- Jika seseorang itu ditahan melebihi tempoh 14 hari, Pesuruhjaya Polis harus melaporkan kes tersebut kepada Menteri Ehwat Dalam Negeri.
- Seseorang hanya boleh ditahan lebih dari 30 hari dari tarikh beliau ditangkap jika Perintah Tahanan diluluskan oleh Menteri Ehwat Dalam Negeri. Kebenaran dari Presiden Republik Singapura juga perlu didapatkan.

- Jika kesalahan seseorang itu tidak cukup serius untuk beliau dikenakan Perintah Tahanan, beliau akan dibebaskan dengan dikenakan Perintah Sekatan. Umpamanya, beliau tidak dibenarkan keluar negara tanpa kebenaran.
- Perintah Tahanan dan Perintah Sekatan boleh diperbaharui dengan kebenaran daripada Menteri Ehwat Dalam Negeri dan Presiden. Setiap tempoh tahanan yang dilanjutkan tidak boleh melebihi dua tahun.
- Setiap Perintah Tahanan dan Perintah Sekatan yang dikeluarkan mesti disemak semula oleh Lembaga Penasihat ISA.
- Lembaga Penasihat merupakan sebuah badan bebas yang diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi dan dua warga terkemuka yang dilantik oleh Presiden atas nasihat Hakim Besar. Lembaga Penasihat mempunyai kuasa mahkamah untuk memanggil dan menyoal siasat saksi, mentadbir urusan mengangkat sumpah dan memerintah agar dokumen dikemukakan. Oleh itu, kes setiap para tahanan akan dikaji dengan teliti sebelum Lembaga Penasihat membentangkan dapatannya kepada Presiden.

Adakah para tahanan mempunyai sebarang hak?

Walaupun para tahanan ISA kehilangan kebebasan, mereka masih memiliki hak-hak yang penting.

- Para tahanan harus dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh 14 hari mereka dikenakan Perintah Tahanan, sebab-sebab penahan mereka dan hak mereka mengemukakan bantahan terhadap Perintah Tahanan kepada Lembaga Penasihat ISA.
- Para tahanan mempunyai hak untuk diwakili oleh peguam pilihan mereka sendiri atau sebarang wakil yang mereka pilih.
- Para tahanan tidak ditahan secara rahsia. Ahli keluarga akan diberitahu dan dibantu oleh pegawai perhubungan dan sokongan keluarga.
- Para tahanan tidak akan dibenarkan menerima pelawat semasa siasatan masih dijalankan. Namun selepas jangkamasa 30 hari, mereka berhak menerima kunjungan daripada ahli keluarga secara tetap serta para peguam yang akan mengemukakan kes mereka kepada Lembaga Penasihat.

- Badan Pemeriksaan yang terdiri daripada lebih 50 Jaksa Pendamai dan pemimpin-pemimpin masyarakat juga akan melawat para tahanan di pusat tahanan tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Mereka akan memastikan para tahanan berada dalam keadaan sihat dan akan melaporkan kepada Menteri Ehwat Dalam Negeri sekiranya para tahanan menerima layanan buruk.
- Tuntutan agama para tahanan akan diberikan perhatian. Umpamanya, makanan yang disediakan haruslah bertepatan dengan tuntutan agama mereka.
- Seorang doktor akan memeriksa para tahanan secara tetap. Kesihatan mereka juga akan diperiksa setiap kali mereka disoal siasat oleh para penyiasat. Pemeriksaan tersebut dibuat sebelum dan selepas setiap sesi soal siasat. Doktor tersebut harus melaporkan sebarang kecederaan yang ditemui kepada Setiausaha Tetap (Ehwat Dalam Negeri).

Terdapatkah langkah mengawasi penggunaan ISA?

Presiden Republik Singapura mempunyai kuasa pembatal ke atas penahanan pencegahan. Ini bermakna Presiden mempunyai kuasa untuk menolak saranan Pemerintah untuk menahan seseorang jika penahanan tersebut turut ditentang oleh Lembaga Penasihat ISA.

Akhir sekali, langkah mengawasi penyalahgunaan ISA lebih bersifat politikal.

Walaupun undang-undang membenarkan Menteri Ehwat Dalam Negeri meluluskan Perintah Tahanan, keputusan tersebut biasanya dibuat oleh Perdana Menteri dan Kabinet (para Menteri). Mereka harus benar-benar yakin bahawa Perintah Tahanan sememangnya perlu sebelum meluluskannya.

Memandangkan Singapura mengamalkan demokrasi berparlimen dan Pemerintahnya dipilih oleh rakyat, maka Pemerintah akan dipertanggungjawabkan oleh semua rakyat Singapura jika berlaku penyalahgunaan kuasa ISA.

Rakyat Singapura memainkan peranan besar membantu mengekang sebarang penyalahgunaan kuasa penahanan pencegahan di bawah ISA.

1 **Perintah Tahanan**

Dalam tempoh tiga bulan Perintah Sekatan dikeluarkan, Lembaga Penasihat akan bersidang untuk meneliti perwakilan yang dikemukakan oleh para tahanan. Para tahanan mempunyai hak untuk mengemukakan perwakilan kepada Lembaga – sama ada secara langsung ataupun menerusi peguam pilihan mereka. Setelah siap, perwakilan itu diajukan kepada Lembaga Penasihat.

3 **Ditahan atau Dibebaskan?**

Presiden akan menimbangkan saranan-saranan Lembaga Penasihat. Beliau kemudian akan mengarahkan Menteri Ehwat Dalam Negeri sama ada menahan atau membebaskan seseorang tahanan. Sekiranya Lembaga itu mengusulkan tahanan dibebaskan, beliau tidak boleh ditahan lagi atau dilanjutkan tempoh tahanannya tanpa persetujuan Presiden.

2 Lembaga Penasihat

Lembaga Penasihat bersidang bagi meneliti bahan bukti, mendengarkan perwakilan serta menyoal siasat para saksi dan pegawai ISD. Lembaga Penasihat mempunyai kuasa mahkamah untuk memanggil dan menyoal siasat para saksi serta memerintah agar dokumen dikemukakan. Lembaga Penasihat akan menimbangkan secara menyeluruh setiap kes yang telah diteliti sebelum mengemukakan dapatan dan sarannya kepada Presiden.

4 Semakan

Tidak lebih dari tempoh 12 bulan dari kali terakhir para tahanan mengemukakan perwakilan mereka, Lembaga Penasihat perlu menyemak semula setiap kes tahanan ISA. Lembaga Penasihat juga dimestikan menyemak semula kes-kes mereka yang dibebaskan di bawah Perintah Tahanan ISA setiap tidak lebih dari 12 bulan. Di akhir tempoh tahanan dua tahun (Nota: Tempoh Perintah Tahanan tidak boleh melebihi dua tahun), jika seseorang itu masih perlu dikenakan penahanan pencegahan, permohonan boleh dibuat bagi melanjutkan tempoh tahanan tersebut. Proses semakan bebas yang sama akan dijalankan oleh Lembaga Penasihat.